



SEJARAH Pos Imigresen Wang Kelian

(BAHAGIAN II)

Oleh : *Mokhtar A.K.*

SEJARAH AWAL

Wang Kelian merupakan sebuah Kampung Tradisional yang paling utara kedudukannya di Semenanjung Malaysia. Jaraknya lebih kurang 41 kilometer ke utara Kangar, ibu negeri Perlis.

Dari segi kedudukan geografinya pula, Wang Kelian merupakan satu kawasan yang agak terpencil serta dikelilingi oleh bukit-bukau dari gugusan bukit Banjaran Nakhwan yang mengunjur di kedua-dua belah sempadan.

Perkataan Wang Kelian berasal dari perkataan Thai yang membawa maksud "Lembah Bijih". Mengikut sejarah seperti yang diceritakan oleh En Jamil bin Hj Endut, Imam Dua Masjid Wang Kelian (seperti yang diceritakan oleh bapa beliau, Allahyarham Hj Endut bin Arshad yang juga bekas Ketua Kampung Wang Kelian), Kampung Wang Kelian dibuka oleh dua orang pendatang dari Langkap, Sumatra. Mereka yang dimaksudkan ialah Tok Putih dan saudaranya TOK PENGHULU ALI yang datang ke kampung tersebut setelah melarikan diri dari peperangan yang sedang berlaku di negerinya kira-kira 500 tahun yang lalu. Mereka meneroka hutan rimba dengan bercucuk tanam dan menjadikan kampung tersebut sebagai tempat tinggal mereka serta keluarga. Setelah beberapa lama mereka di situ, generasi mereka bertambah dan meninggalkan warisan di kampung tersebut. Warisan dan generasi mereka itu masih ada hingga ke hari ini.

Pada masa ini, perkampungan Wang Kelian didiami oleh kira-kira 52 buah keluarga dengan jumlah penduduknya seramai lebih kurang 250 orang yang semua terdiri daripada masyarakat Melayu. Mata pencarian utama penduduk ialah

dusun buah-buahan dan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Dari segi perhubungan pula, penduduk di kawasan ini lebih tertumpu ke daerah-daerah selatan Thailand kerana hubungan kekeluargaan yang terjalin sekian lama dan juga untuk mendapatkan keperluan harian. Dengan kemudahan infrastruktur pada peringkat awal, jalan raya yang sebelumnya adalah jalan balak yang dinaik taraf kepada 'Single Carriage Road' sepanjang 12 kilometer yang menghubungkan Kampung Wang Kelian dengan Pekan Kecil Kaki Bukit yang hanya boleh dilalui oleh kenderaan ringan sahaja. Sebelum itu, penduduk kampung terpaksa berjalan kaki melalui Gua Kelam (kini dijadikan salah satu destinasi pelancongan di Negeri Perlis) untuk ke Pekan Kecil Kaki Bukit bagi mendapatkan keperluan harian atau lain-lain aktiviti terutamanya persekolahan dan khidmat kesihatan.



Peralatan peninggalan Tok Putih yang masih disimpan oleh pewarisnya. (Gambar : Mokhtar A.K.)



En. Jamil bin Hj. Endut (Pewaris Keturunan Tok Putih)
(Gambar : Mokhtar A.K.)

Pembinaan Pos Imigresen Wang Kelian

Wang Kelian bersempadan dengan Wang Prachan dalam Daerah Satun, di sebelah Thailand. Bagi melicinkan kawalan keluar masuk penduduk di kedua-dua belah sempadan maka cadangan awal pembinaan Kompleks Imigresen Wang Kelian telah dibawa ke dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri Perlis pada tahun 1977 untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke Empat. Setelah ianya mendapat kelulusan, anggaran kos sebanyak RM 360,000.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek tersebut. Memandangkan pada masa itu, Kerajaan Negeri Perlis masih dalam perancangan bagi mewujudkan Bandar Baru Wang Kelian, keseluruhan projek itu terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.

Sebagai alternatif sementara menunggu perancangan



Bandar Baru Wang Kelian dilaksanakan, sebuah bangunan sementara Pos Imigresen Wang Kelian mula dibina dan siap sepenuhnya pada 18 April 1983. Ia merupakan bangunan separuh kekal dibina oleh JKR dengan kos sebanyak RM 33,000.00 dan tambahan RM 22,000.00 untuk membina pagar keselamatan. Tiada kemudahan asas seperti air, elektrik dan telefon, namun begitu penempatan Pegawai-Pegawai Imigresen, Kastam dan Polis telah dibuat pada masa tersebut bagi kawalan keluar masuk pelawat dari kedua-dua belah sempadan Malaysia-Thailand. Pada masa itu hanya dua orang Pegawai Imigresen Kanan (PIK-En. Wan Salleh bin Wan Isa dan En Tneh Ah Ba), empat orang Pegawai Imigresen terdiri daripada En Mohd Fauzi bin Abdullah, En Anuar bin Wahab, En Ab Tomiran bin Karia, En Abd Halim bin Ishak dan pemandu En Ab Rahim bin Ariffin di bawah pentadbiran Pos Imigresen Wang Kelian. Waktu operasinya bermula dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Semua pegawai berulang-alik dari Kuarters Padang Besar setiap hari ke tempat kerja

Pembukaan Rasmi



Pos Imigresen Wang Kelian (Gambar : Mokhtar A.K.)

Pos Imigresen Wang Kelian dibuka dengan rasminya pada 20 Januari 1984 sebagai pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu iaitu Y.B. En Kassim Bin Ahmad. Pembukaan rasmi Pos ini dijalankan serentak dengan pembukaan Pos Imigresen Wang Prachan, Thailand yang dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri Thailand. Dengan perasmian tersebut penggunaan pasport / Dokumen Perjalanan telah dikuatkuasa kepada pelawat di kedua-dua belah sempadan Malaysia Thailand. Difahamkan penduduk Kampung Wang Kelian telah mengadakan kenduri kesyukuran dengan menyumbangkan dua ekor lembu pada majlis tersebut.

Pos Imigresen Wang Kelian merupakan pintu masuk yang ketiga di buka di Perlis selepas Imigresen Padang Besar dan Kuala Perlis. Selain menjalankan aktiviti pemeriksaan kawalan masuk dan keluar, Pos ini juga menerima dan

memproses permohonan Pas Sempadan. Sebelum kewujudan Pos Imigresen Wang Kelian, penduduk di kedua-dua belah sempadan melakukan perjalanan yang sah melalui Padang Besar mahupun Kuala Perlis.



Pos Kawalan Imigresen Thailand (Gambar : Mokhtar A.K.)

Pemeriksaan pelawat yang dijalankan di bangunan Pejabat Pentadbiran pada peringkat awalnya tidak begitu licin dan lancar, sedangkan dari hari ke hari bilangan pelawat yang menggunakan laluan ini semakin bertambah. Memandangkan keadaan tersebut, bangunan Pos Kawalan yang berasingan dengan Pejabat Pentadbiran dibina dan siap pada 31 Disember 1985 dengan kos sebanyak RM 17,000.00. Pemeriksaan pelawat telah mula dibuat di situ dan tidak lagi di pejabat seperti sebelumnya. Kemudian pembinaan bilik air turut dilaksanakan dengan pembiayaan oleh pihak Unit Perancangan Daerah dengan kos sebanyak RM 9,500.00 diikuti pembinaan Surau dan bilik mesyuarat dengan kos sebanyak RM 25,000.00. Keseluruhan kos pembinaan Pos Imigresen Wang Kelian termasuk bangunan Pejabat pentadbiran, Pos Kawalan, Bilik Mesyuarat, Surau dan Bilik Air sebanyak RM 106,500.00.

Walaupun Pos ini telah dibuka pada tahun 1984 tetapi kemudahan-kemudahan asas yang dapat disediakan agak terlewat dari tarikh pembukaannya. Bekalan elektrik dan telefon hanya diperolehi pada pertengahan tahun 1985 dan bekalan air paip disediakan pada awal tahun 1988 dimana sebelumnya bekalan air bersih hanya diperolehi dari perigi berdekatan.

Rujukan:

1. Temu bual Zahirul bin Zaini, Pengarah Imigresen Negeri Perlis.
2. Khazanah Perpustakaan, Sejarah Penubuhan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perlis.

